

Counsel:

For the Accused: Azahir bin Nasir.
Tetuan Azahir Surianie

For the Public Prosecutor: TPR Hajarul Falenna Ittah binti Abu Bakar.
Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan

DALAM MAHKAMAH TINGGI DI KOTA BHARU
DALAM NEGERI KELANTAN DARUL NAIM, MALAYSIA
PERBICARAAN JENAYAH NO: 45SOM-8-04/2019

ANTARA

PENDAKWA RAYA

DAN

- 1. ASYRAF WAJDI BIN SHARIFUDDIN**
- 2. AHMAD AIZAT BIN MAT SALLEH**

PENGHAKIMAN

[1] Kedua-dua OKT di dalam kes ini telah dipertuduhkan dengan satu pertuduhan di bawah s 26J Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 ("ATIPSOM") yang mana ianya merupakan kesalahan keselamatan dibawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 dibaca bersama seksyen 34 Kanun Kesseksaan.

[2] Pertuduhan ke atas OKT-OKT adalah seperti berikut:

Pertuduhan

Bahawa kamu bersama-sama pada 25/01/2019 jam lebih kurang 7.45 petang di Kampung Tok Bok Jalan Kota Bharu - Kuala Krai di dalam Daerah Kuala Krai di dalam Negeri Kelantan telah didapati mengangkut 24 orang migrant warganegara Myanmar (20 lelaki dan 4 perempuan) yang diseludup laitu penama:

1. Nang Khan Mung/Pasport: Tiada.
2. Khai Do Piang/Pasport: Tiada.
3. Thang Khan Sang/Pasport: Tiada.
4. Kap Sian Mung/Pasport: Tiada.
5. Ling Khan Suan/Pasport: Tiada.
6. Pau Siang/Pasport: Tiada.
7. Ai Sian Khwp/Pasport: Tiada.
8. Dai Lian Tuang/Pasport: Tiada.
9. Dai Suan Thang/Pasport: Tiada.
10. Hau Khat Pau/Pasport: Tiada.
11. Mang Sian Kim/Pasport: Tiada.

12. Thang Hau Mung/Pasport: Tiada.
13. Nang KhawThawn/Pasport: Tiada.
14. Zam Deih Cin/Pasport: Tiada.
15. Pau Sian Muan/Pasport: Tiada.
16. Khen Lam Tuang/Pasport: Tiada.
17. Van Rin Dik/Pasport: Tiada.
18. Thang Lian Mang/Pasport: Tiada.
19. Nang Lian Sang/Pasport: Tiada.
20. En Mun Lian/Pasport: Tiada.
21. Ciin Ho Nuam/Pasport: Tiada.
22. Awi Lawh Cing/Pasport: Tiada.
23. Haih Khan Siem/Pasport: Tiada.
24. Nieng Khan Cing/Pasport: Tiada.

Dengan menggunakan sebuah motovan jenis Toyota Hiace warna putih No Pendaftaran DDA 8528 iaitu satu kesalahan dibawah Seksyen 26J Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 yang mana ianya merupakan kesalahan keselamatan dibawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

- [3] Apabila pertuduhan dibacakan kepada kedua-dua OKT secara berasingan kedua-dua OKT mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan serta faham sifat dan akibat daripada pengakuannya.
- [4] Di atas pengakuan salah tersebut, Mahkamah ini telah mensabitkan kedua-dua tertuduh dan menjatuhkan hukuman dengan penjara selama dua tahun bermula dari tarikh tangkap pada 25.1.2019 dan denda RM5,000 gagal bayar 6 bulan penjara.

- [5] Saya memberikan alasan penghakiman saya terhadap hukuman itu sekarang.

Fakta Kes

- [6] Fakta kes yang diakui oleh OKT-OKT dapatlah diringkaskan seperti berikut. Pada 25.1.2019 jam lebih kurang 7.45 malam, Insp Zamzuri Mohd Jamil, iaitu pengadu di dalam kes ini, bersama anggota dan pegawai telah membuat tangkapan terhadap 2 orang lelaki Melayu di Kg. Tok Bok Jalan Kota Bharu-Kuala Krai.
- [7] Pengadu menyatakan sebelum itu melihat sebuah van jenis Toyota Hiace DDA 8528 dalam keadaan mencurigakan. Pengadu telah mengarahkan anggota menahan van itu dengan cara menghalang laluan hadapan dan belakang van itu. Pengadu menahan pemandu van itu dan ketika itu penumpang lelaki sebelah pemandu cuba melarikan diri namun berjaya ditangkap. Butiran kedua-dua lelaki Melayu adalah seperti berikut:
- (a) Asyraf Wajdi Bin Sharifuddin, OKT 1; dan
(b) Ahmad 'Aizat bin Mat Salleh, OKT 2.
- [8] Di dalam van itu juga kelihatan beberapa orang lelaki dan wanita warganegara asing. Pengadu kemudiannya membawa van dan kedua-dua lelaki itu berserta kesemua imigran ke IPD Kuala Krai. Pemeriksaan van itu selanjutnya mendapati terdapat 20 orang lelaki

dan 4 orang wanita warganegara Myanmar. Butiran kesemua imigran adalah seperti yang dinyatakan di dalam kertas pertuduhan.

- [9] Hasil maklumat dari OKT1 dan OKT2, pihak polis yang diketuai oleh Ins Aziz Bin Isa telah membuat serbuan pada hari yang sama jam lebih kurang 10.30 malam di Stesen Minyak Caltex Batu Jong Kuala Krai dan menahan sebuah kereta Perodua Myvi berwarna putih No. Pendaftaran WB 9364 V yang dinaiki oleh 1 orang lelaki Melayu dan 1 orang wanita Thailand. Butiran tangkapan adalah seperti berikut:

- (a) Suhairuddin Bin Che Noh (“Suhairuddin”); dan
- (b) Miss Rosuena (“Rosuena”)

- [10] Hasil siasatan juga mendapati OKT1 mengaku menerima upah dari OKT2 untuk kerja pengangkutan migran ke Kuala Lumpur. OKT1 juga diarah untuk menyewa kereta Perodua Myvi WB 9364 V yang dirampas dari. OKT1 juga telah pergi dengan Rosuena ke syarikat sewa kereta untuk menyewa van Toyota Hiace DDA 8528 yang mana Rosuena berperanan sebagai penjamin. Kos sewaan dibayar oleh Rosuena.

Hujah Mitigasi OKT1

- [11] OKT1 berusia 35 tahun. Peguam terpelajar OKT1 merayu kepada Mahkamah ini supaya mengenakan hukuman yang paling minima ke atasnya. Alasan utama yang dikemukakan oleh peguam terpelajar

ialah OKT1 telah membuat pengakuan bersalah di atas pertuduhan ke atasnya di peringkat awal lagi tanpa ada apa-apa keperluan untuk memanggil saksi-saksi pendakwaan untuk tampil memberikan keterangan.

- [12] Menurut peguam terpelajar pengakuan salah OKT1 telah menjimatkan duit kerajaan kerana tidak perlu menanggung kos tambahan kepada Kerajaan.
- [13] Kedua, ini merupakan kesalahan pertama OKT1 dan telah insaf atas kesilapan yang dilakukan dan berjanji untuk tidak mengulangi kesalahan ini lagi. Fakta bahawa ini merupakan kesalahan pertama OKT tidak dipertikaikan oleh TPR yang terpelajar.
- [14] OKT1 merupakan pencari nafkah tunggal di dalam keluarga dan perlu menanggung seorang isteri dan seorang anak kecil yang berusia 7 tahun.

Hujahan Mitigasi OKT 2

- [15] Berhubung dengan OKT2 pula, OKT 2 di dalam kes ini berumur 33 tahun. Dia juga telah membuat pengakuan salah sebelum perbicaraan bermula. Peguam OKT2 yang juga berhujah bahawa pengakuan bersalah merupakan satu bentuk mitigasi yang terkuat yang harus dipertimbangkan oleh Mahkamah sebelum menjatuhkan hukuman terhadap Tertuduh.

- [16] Selain itu, Pengakuan salah OKT2 menunjukkan bahawa OKT2 benar-benar insaf dan menyesal atas perbuatannya.
- [17] Sama seperti OKT1, kesalahan ini juga merupakan kesalahan pertama untuk OKT2. OKT2 tidak mempunyai sebarang rekod jenayah sebelum ini.
- [18] OKT2 mempunyai seorang isteri dan juga menggalas tanggungjawab untuk menjaga ibunya.

Hujahan Pendakwaan

- [19] Sebagai jawapan kepada hujahan peguam terpelajar OKT1 dan OKT2, TPR terpelajar berhujah adalah menjadi satu prinsip undang-undang mantap bahawa kepentingan awam merupakan faktor paling utama yang harus diambil kira oleh mahkamah di dalam menjatuhkan sesuatu hukuman.
- [20] Menurut TPR terpelajar, kesalahan mengangkut migran merupakan satu kesalahan yang serius kerana ianya mempunyai kesan negatif kepada negara. Oleh kerana negeri ini bersempadan dengan negara Thailand, TPR seterusnya berhujah bahawa latarbelakang migran itu tidak diketahui dan oleh kehadiran mereka ke negara ini melibatkan aspek keselamatan negara.

Analisis dan Dapatan Mahkamah

- [21] Pertamanya, Mahkamah ini mengambil maklum tentang keseriusan kes-kes yang melibatkan pemerdagangan manusia. Ini tidak dapat disangkalkan dan Parlimen melihat ia sebagai satu keperluan di bawah s 26J ATIPSOM untuk menetapkan hukuman penjara tidak melebihi 5 tahun dan boleh juga dikenakan denda RM250,000.
- [22] Kedua saya juga mengambil maklum tentang faktor kepentingan awam yang dibangkitkan oleh TPR yang terpelajar.
- [23] Saya sekarang akan mengulas tentang faktor peringanan yang dibangkitkan oleh peguam OKT-OKT yang terpelajar. Berhubung dengan pengakuan salah, tidak dapat dipertikaikan bahawa secara umumnya, pengakuan salah telah menjimatkan kos perbicaraan. Jika sekiranya kes ini diteruskan dengan perbicaraan penuh, pihak pendakwaan terpaksa memanggil 24 orang imigran tersebut, anggota-anggota polis terlibat dengan serbuan dan saksi-saksi awam termasuk pemilik syarikat sewa kereta Myvi WB 9364 V yang digunakan untuk aktiviti tonto oleh Suhairuddin and Rosuena, and tuanpunya motor van Toyota Hiace DDA 8528.
- [24] Tidak dapat dinafikan bahawa kesemua ini memerlukan kos dan perbelanjaan yang tinggi yang dapat dielakkan dengan pengakuan salah OKT-OKT. Apabila kos kepada kerajaan dapat diijimatkan, dari perspektif ini, ia juga merupakan satu faktor kepentingan awam.

[25] Pengakuan salah OKT-OKT juga boleh dirumuskan bahawa OKT-OKT telah insaf dan menyedari bahawa yang yang dilakukan oleh mereka itu menyalahi undang-undang. Jika apa-apa autoriti diperlukan untuk kedudukan undang-undang ini, ia dapat dilihat di dalam kes ***Muhammad Isa bin Aris & Ors v PP* [2011] 5 MLJ 342 MR** yang mana Mahkamah membuat pengamatan bahawa pengakuan salah boleh lah dianggap satu satu petanda atau indikasi penyesalan. Ketika menyampaikan penghakiman Mahkamah Rayuan, Abdul Malik Ishak HMR ada membuat pengamatan:

We are aware that a plea of guilty can be taken by us as a sure sign of remorse (*Wong Yuk Ai v Public Prosecutor* [1966] 2 MLJ 51; *R v Alcock and Others* [1967] Crim LR 66; and *Vennel & Ors v Public Prosecutor* [1985] 1 MLJ 459, (CA)).

Walaupun semasa ditahan, salah seorang dari OKT itu telah cuba untuk melarikan diri tetapi apabila didakwa di Mahkamah ini, dia memilih untuk membuat pengakuan bersalah.

[26] Secara umumnya, panduan yang diberikan oleh Mahkamah Agung di dalam kes ***Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v PP* [1988] 1 MLJ 167 MA**, ialah pengurangan atau diskaun yang wajar diberikan ialah di antara 25% hingga 30% daripada hukuman yang akan dikenakan jika OKT di dapati bersalah di akhir perbicaraan dan bukannya 25% hingga 30% daripada hukuman maksima yang ditetapkan oleh undang-undang. Pendekatan yang sama dapat dilihat di dalam kes

PP v Ravindran & Ors [1993] 1 MLJ 45. Di dalam kes tersebut Visu Sinnadurai H membuat pengamatan seperti berikut:

The credit or discount to be given in favour of the accused person is not on the maximum sentence imposed by law but rather on a sentence which would have been imposed on the accused if he had claimed trial and had been found guilty.

- [27] Oleh itu persoalan yang harus dibangkitkan ialah jika sekiranya OKT-OKT tidak membuat pengakuan salah dan dia kemudiannya disabitkan, apakah hukuman yang akan dikenakan ke atasnya? Adakah, berdasarkan kepada fakta kes yang dikemukakan dan diakui, mereka akan dikenakan dengan hukuman maksima yang diperuntukkan oleh undang-undang?
- [28] Meneliti fakta kes yang dikemukakan dan diakui oleh OKT-OKT, saya tidak melihat apa-apa yang mewajarkan kepada hukuman maksima 5 tahun untuk dikenakan kepada mereka jika mereka membuat pengakuan salah. Tidak ada pengataan di dalam fakta kes yang menunjukkan bahawa imigran-imigran tersebut telah dilayan dengan teruk oleh OKT-OKT; Lihat kes ***PP v Muhammad Yunus [2018] 2 CLJ 749 MR.*** Tidak ada pengataan di dalam fakta kes bahawa mana-mana imigran yang terlibat adalah terdedah kepada penyakit merbahaya yang berjangkit yang boleh membawa wabak kepada negara ini. Tidak juga ada pengataan di dalam fakta kes bahawa imigran-imigran tersebut terlibat dengan kegiatan terrorisme yang memudaratkan keselamatan rakyat dan negara ini.

- [29] Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa hukuman maksima hanya dikenakan di dalam kes-kes yang paling serius tanpa ada apa-apa faktor mitigasi. Di dalam kes ***Wong Keng Liang v PP* [2013] 4 MLJ 263**, Mahkamah Tinggi membuat pengamatan:

This kind of maximum sentence is legally reserved for the most serious offence, without any mitigating factor.

- [30] Mengambil kira fakta kes yang dikemukakan dan diakui, jika OKT-OKT memilih untuk tidak mengaku salah dan kemudiannya disabitkan, tidak ada kewajaran untuk mereka dihukum dengan hukuman maksima.
- [31] Setelah meneliti fakta kes, faktor pemberat dan peringanan, hukuman penjara 2 tahun dari tarikh tangkap pada 25.1.2019 dan denda RM5,000 gagal bayar 6 bulan penjara adalah munasabah.
- [32] Akhirnya, jika atas alasan-alasan tertentu yang spesifik, yang pihak pendakwaan fikirkan perlu untuk Mahkamah ini menimbangkan satu hukuman yang lebih serius dan berbentuk pencegahan, maka fakta-fakta spesifik tersebut harus dibawa kepada pengetahuan Mahkamah. Adalah tidak memadai untuk memberikan gambaran secara umum. Maklumat yang spesifik perlu dimaklumkan bagi membantu Mahkamah untuk meneliti dan memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tarikh: 20 Ogos 2019.

(DATO' WAN AHMAD FARID BIN WAN SALLEH)

Hakim

Mahkamah Tinggi Kota Bharu.